

GSMA Dedahkan Barisan Penceramah Hebat bagi Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih 2009

GSMA Turut Umum Panggilan bagi Penyertaan ke Anugerah Komunikasi Mudah Alih Asia Tahunan Ke-4

LONDON, 13 Julai /PRNewswire/ --

GSMA hari ini mengumumkan bahawa sebilangan CEO dari beberapa operator komunikasi mudah alih terbesar dan paling berpengaruh di dunia, termasuk Bharti Airtel, China Mobile, China Unicom, CSL, NTT DOCOMO, SoftBank Mobile, Telenor dan Zain bakal menyampaikan ucapan dasar di Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih 2009 yang bakal diadakan pada 18-19 November 2009 di Hong Kong Convention and Exhibition Centre. GSMA turut mengumumkan bahawa ia kini membuka pencalonan bagi Anugerah Komunikasi Mudah Alih Asia 2009, yang akan disampaikan di Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih.

"Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih bakal menyatukan kepimpinan operator komunikasi mudah alih Asia dan pemain utama dalam ekosistem komunikasi mudah alih Asia yang lebih luas dalam forum eksklusif yang bertujuan berkongsi visi dan strategi yang bakal membentuk masa depan komunikasi mudah alih," kata Michael O'Hara, ketua pegawai pemasaran bagi GSMA. "Kami berbesar hati kerana para eksekutif ini dapat menyertai program persidangan kami - semua yang hadir ke Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih bakal mendapat manfaat dari perspektif dan wawasan bernilai yang bakal disajikan oleh para penceramah ucap utama kita."

Para penceramah ucap utama bagi Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih yang mengesahkan kehadiran setakat ini adalah:

- Manoj Kohli, Presiden merangkap CEO, Bharti Airtel
- Wang Jianzhou, Pengerusi merangkap CEO, China Mobile
- Chang Xiaobing, Pengerusi merangkap CEO, China Unicom
- Tarek Robbiati, CEO, CSL Limited
- Ryuji Yamada, Presiden merangkap CEO, NTT DOCOMO
- Masayoshi Son, Pengerusi merangkap CEO, SoftBank Mobile
- Jon Fredrik Baksaas, Presiden merangkap CEO, Telenor Group
- Dr. Saad Al Barrak, CEO, Zain Group

Sepanjang tempoh dua hari ini, sekitar 1,000 orang eksekutif industri komunikasi mudah alih kanan dari seluruh dunia bakal menghadiri acara kepimpinan eksklusif ini, yang bakal meneroka bidang industri yang berkembang pesat, tajuk-tajuk yang meningkat naik dan latar belakang isu-isu strategik dan teknologi, dengan penekanan diberi kepada pembangunan di pasaran Asia. Selain dari pameran produk yang menampilkan teknologi dan penyelesaian komunikasi mudah alih utama, Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih tahunan ke-6 ini bakal menyediakan buat para hadirin peluang rangkaian dan pembangunan perniagaan yang penting. Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih, sila layari <http://www.mobileasiacongress.com/>.

Anugerah Komunikasi Mudah Alih Asia Mengiktiraf Kecemerlangan dan Inovasi  
Anugerah Komunikasi Mudah Alih Asia direka bagi menyerlahkan dan mengiktiraf produk, perkhidmatan dan inisiatif pemacu perubahan terbaru dari seluruh ekosistem komunikasi mudah alih Asia.

Anugerah bakal diberikan dalam kategori berikut:

- Permainan Komunikasi Mudah Alih Terbaik
- Perkhidmatan Muzik Komunikasi Mudah Alih Terbaik
- Perkhidmatan TV atau Video Komunikasi Mudah Alih Terbaik
- Pengiklanan atau Pemasaran Komunikasi Mudah Alih Terbaik
- Aplikasi, Produk atau Perkhidmatan Syarikat Komunikasi Mudah Alih Terbaik
- Perkhidmatan Internet Komunikasi Mudah Alih Terbaik
- Perkhidmatan Wang Komunikasi Mudah Alih Terbaik
- Wang Komunikasi Mudah Alih untuk Yang Tiada Bank
- Telefon Bimbit atau Alat Komunikasi Jalur Lebar Mudah Alih Terbaik
- Komunikasi Mudah Alih Hijau

Anugerah Komunikasi Mudah Alih Asia diadili oleh panel bebas yang terdiri daripada wartawan, penganalisis dan tokoh akademik terkemuka dari seluruh benua. Ia terbuka kepada organisasi dari seluruh rangkaian nilai industri yang menyediakan produk dan perkhidmatan komunikasi mudah alih yang boleh didapati secara komersial pada hari ini dalam sekurang-kurangnya satu pasaran Asia. Antara pemenang pada 2008 adalah Bharti Airtel, Gameloft, KT, Nokia, SK Telecom, Telstra dan Total Access Communications.

Tarikh tutup bagi penghantaran pencalonan bagi Anugerah Komunikasi Mudah Alih Asia 2009 adalah pada Selasa 15 September 2009. Para pemenang akan diberi pengiktirafan pada majlis penyampaian anugerah pada Rabu 18 November di Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih. Selain itu, buat pertama kalinya, para pemenang Anugerah Komunikasi Mudah Alih Asia secara automatik akan dimasukkan ke dalam senarai terpilih bagi Anugerah Komunikasi Mudah Alih Global berprestij GSMA yang bakal dipersembahkan di acara industri komunikasi mudah alih terkemuka dunia, Kongres Sedunia Komunikasi Mudah Alih di Barcelona, pada Februari 2010. Maklumat penuh kategori dan borang penyertaan dalam talian boleh didapati di: [www.asiamobileawards.com](http://www.asiamobileawards.com)

#### Mobile Innovation Grand Prix

Kejohanan Asia bagi pertandingan Mobile Innovation Grand Prix 2010 GSMA - kategori dalam Anugerah Komunikasi Mudah Alih Global 2010 GSMA - bakal berlangsung di Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih di Hong Kong pada bulan November. Mobile Innovation 'Grand Prix' dicipta dengan matlamat utama mengetengahkan para usahawan yang berpotensi dari syarikat bersaiz kecil dan sederhana yang memperkenalkan produk dan perkhidmatan inovatif. Ketika acara Asia ini, syarikat-syarikat dari rantau ini bakal bersaing dalam pelbagai kategori dengan diulas oleh panel hakim yang terdiri daripada eksekutif kanan dari operator komunikasi mudah alih dan firma modal usaha niaga. Pemenang keseluruhan dari pusingan Asia bakal memenangi perjalanan untuk bersaing bagi gelaran Mobile Innovation Grand Prix di Kongres Sedunia Komunikasi Mudah Alih di Barcelona.

#### Tentang GSMA

GSMA mewakili kepentingan industri komunikasi mudah alih sedunia. Merentasi 219 buah negara, GSMA menyatukan hampir 800 buah operator komunikasi mudah alih dunia, serta 200 syarikat dalam ekosistem komunikasi mudah alih yang lebih luas, termasuk pembuat telefon bimbit, syarikat

perisian, pembekal peralatan, syarikat Internet, dan organisasi hiburan dan media. GSMA fokus dalam menginovasi, merangsang dan mencipta peluang baru bagi keahliannya, semuanya dengan matlamat akhir untuk memacu perkembangan industri komunikasi mudah alih. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari <http://www.gsmworld.com>

SUMBER GSM Conference Limited

PERHUBUNGAN: Dorothy Fung, +852-9184-6713, atau Daniel Lowther, +44-7747-636-687, atau Richard Fogg, +44-7887-845-236, kesemuanya dari GSMA, [Mac09@the-cc-group.com](mailto:Mac09@the-cc-group.com)